



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR
03 OKTOBER 2018 (RABU)**

AKHBAR

MUKA SURAT

Sinar Harian

- | | |
|----------------------------|----|
| - Warga asing 'jajah' flat | 22 |
|----------------------------|----|



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
03 OKTOBER 2018 (RABU)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Warga asing 'jajah' flat
Muka Surat	22

Warga asing 'jajah' flat

SH 3/10/18 M/S 22

*Penghuni Flat
Pandan Mewah
gusar risiko
keselamatan*

AHMAD ISMADI ISMAIL

PANDAN INDAH

Kebanjiran warga asing yang mendiami Flat Pandan Mewah, di sini, meresahkan penduduk tempatan, lebih-lebih lagi dengan budaya luas yang dibawa mereka.

Kebanyakan warga asing berkenaan menduduki 12 blok bangunan flat berkenaan sejak 10 tahun lalu, ia kelihatan seperti perkampungan warga asing.

Penduduk Azmi Sulaiman berkata, warga asing ini bebas melakukan apa sahaja, pelbagai aktiviti perniagaan seperti restoran dan kedai runcit turut dimonopoli warga asing.

"Mereka bebas menjalankan aktiviti harian mereka di kawasan ini seperti menjual sireh, mengutip besi buruk,



Penduduk gusar kehadiran warga asing.



Sebahagian warga asing kelihatan sedang berkumpul.

berniaga di kedai pakaian dan membuka bengkel.

"Malah warga asing ini seekan 'berpesta' apabila mereka berkumpul secara bera-mai-ramai pada petang atau malam, mereka turut mewujudkan pasar karat dan turut 'berniaga' di pasar malam," katanya.

Azmi berkata, penduduk mendakwa jumlah warga asing yang mendiami flat tersebut semakin bertambah

sabtu-tujuh.

"Seramai 60 peratus warga asing mendiami flat ini, mereka berasal dari Bangladesh, Myanmar, Indonesia dan Filipina. Segelintir daripada mereka dipercayai terlibat dengan pelbagai kes jenayah seperti pelacuran, jenayah pecah rumah dan pengedar dadah," katanya.

Menurutnya, Jabatan Imigresen pernah menjalankan operasi di kawasan itu, namun

flat tersebut masih menjadi tumpuan warga asing.

"Kami berharap pihak berkuasa harus mempertingkatkan operasi dan pengkuasaan di flat ini," katanya.

Sementara itu seorang lagi penduduk, Seri Salmiah Abd Rahman berkata, warga asing ini turut membawa budaya samseng mereka dan pernah dilaporkan berlaku pergaduhan.

"Mereka dipercayai ber-

gaduh sesama sendiri, malah ada kes seorang warga asing dipercayai telah mengacaukan pisau kearah penduduk tempatan," katanya.

Seri Salmiah berkata, segelintir warga asing ini juga dipercayai minum minuman keras di tempat terbuka.

"Apabila mereka mabuk, mereka akan membuat kakau ganggu penduduk di sini, malah ada kes cubaan rabu jururawat yang baru pulang

bekerja dari hospital berham-piran," katanya.

Beliau berkata, paling menjijikkan, longgokan sampah yang menjadikan kawasan flat ini antara tempat pemasukan demam denggi.

"Warga asing ini buang sampah merata-rata meng-kibarkan persekitaran kotor dan sampah yang dilonggokkan menjadi tempat takungan air sehingga pembialan maymuk selain tikus," katanya.